



JURNAL INTEGRITI

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Himpunan Kes-kes Tatatertib



UNIT INTEGRITI
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

"CEPAT DAN MESRA"


**SEDIAGA
MENYELAMAT**
999

KANDUNGAN

Kandungan	
Sekapur sireh	i
Carta Organisasi	ii
 BAHAGIAN I	
PENGENALAN	1
 BAHAGIAN II	
KES-KES TATATERTIB	5
1 Penyalahgunaan Dadah / Pengambilan Dadah	6
2 Tidak Hadir Bertugas dan Memalsukan Sijil Cuti Sakit	10
3 Mengemukakan Tuntutan Palsu	16
4 Kesalahan Menjatuhkan Reputasi Perkhidmatan Awam	20
5 Lawatan Persendirian Ke Luar Negara Tanpa Kebenaran	21
6 Gangguan Seksual	24
7 Mahkamah Syariah (Kesalahan Berjudi)	29
8 Mahkamah Syariah (Kesalahan Khalwat)	31
 BAHAGIAN III	
SURCAJ	32
9 Kehilangan Aset Kerajaan	33
JAWATANKUASA JURNAL INTEGRITI: KES-KES TATATERTIB JBPM	36
PENGHARGAAN	37

Kata Bicara

Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



Assalamualaikum warahmatullahiwabaratuh, Salam Negaraku Malaysia, Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra dan Salam Integriti saya ucapan kepada semua warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya Unit Integriti telah berjaya menerbitkan Jurnal Integriti JBPM - *Himpunan Kes-Kes Tatatertib*. Jabatan mengucapkan tahniah di atas usaha Unit Integriti untuk menerbitkan Jurnal ini.

Pembentukan perkhidmatan kebombaan berintegriti merupakan salah satu tanggungjawab dan amanah besar yang perlu digalas dan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Dalam menjalankan fungsi dan kuasa yang diperuntukkan, setiap anggota Lembaga Tatatertib, Urusetia Lembaga dan Ketua Jabatan perlu mempunyai kefahaman yang mencukupi berhubung peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. Pengetahuan berkenaan peruntukan undang-undang dan peraturan berkaitan itu perlu dihayati agar pengurusan tatatertib dapat dilaksanakan dengan berkesan dan memenuhi kehendak dan semangat perundangan yang berteraskan prinsip keadilan.

Langkah proaktif yang diambil oleh Unit Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang berusaha menerbitkan Jurnal Intergriti JBPM - *Himpunan Kes-Kes Tatatertib* ini, diharap dapat dijadikan panduan kepada semua Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2 Negeri-Negeri serta semua pihak yang terlibat dalam pengurusan tatatertib agar mematuhi prosedur yang digariskan dalam peraturan. Tindakan tatatertib yang efektif, cepat dan mesra diyakini mampu memberikan tauladan dan pengajaran kepada semua pegawai agar tidak mengulangi kesalahan yang sama.

Selamat maju jaya.


DATO' SRI HJ. WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM

Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

CARTA ORGANISASI

UNIT INTEGRITI

PEJABAT KETUA PENGARAH, JBPM



BAHAGIAN I

PENGENALAN

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kawalan tatatertib dalam perkhidmatan kebombaan di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia merupakan satu elemen penting dalam pengurusan sumber manusia. Kawalan tatatertib mempunyai matlamat membentuk sikap yang positif dan mengawal diri daripada melanggar peraturan tatatertib yang telah ditetapkan dan mencegah daripada melakukan sebarang penyelewengan. Kawalan tatatertib juga mempunyai matlamat untuk membangunkan pegawai bomba yang berkualiti, berintegriti dan bermotivasi.
- 1.2 Pihak Berkuasa Tatatertib harus menyedari hakikat ini dan bertanggungjawab menguruskan tindakan tatatertib dengan adil dan berkesan. Sekiranya hukuman yang dikenakan terlalu berat dan tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan, keadaan sedemikian akan menjatuhkan motivasi pegawai berkenaan. Sebaliknya jika hukuman dikenakan adalah terlalu ringan, tindakan tatatertib itu tidak akan berkesan dan tidak memberi pengajaran kepada pegawai itu atau kepada pegawai lain.
- 1.3 Jurnal Integriti JBPM: Himpunan Kes-Kes Tatatertib ini boleh dijadikan panduan dalam pengurusan tatatertib dalam perkhidmatan. Jurnal ini mengandungi beberapa kes kesalahan sebenar yang pernah berlaku dan telah disabitkan hukuman tatatertib, yang juga diharap dapat memberi pengajaran kepada semua warga Bomba supaya tidak melakukan kesalahan yang sama pada masa akan datang.



2. OBJEKTIF

Objektif jurnal ini disediakan adalah dengan tujuan untuk;

- 2.1 Mengenal pasti isu-isu berkaitan pelanggaran tatatertib;
- 2.2 Memberi contoh berkenaan penyediaan pertuduhan;
- 2.3 Mengemukakan contoh asas-asas pertimbangan dalam memutuskan hukuman tatatertib; dan
- 2.4 Memberi contoh-contoh hukuman tatatertib yang diputuskan bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan.

3. ISU DIHADAPI DALAM PENGURUSAN TATATERTIB



Isu-isu yang telah dikenalpasti sering ditemui dalam pengurusan tatatertib adalah seperti berikut;

3.1 Laporan Tidak Jelas / Tidak Lengkap

- 3.1.1 Laporan tidak mengandungi maklumat yang jelas mengenai sesuatu pelanggaran undang-undang atau peraturan berkuatkuasa tatatertib yang dikatakan telah dilakukan oleh seseorang pegawai.
- 3.1.2 Kelemahan laporan tidak menyatakan secara jelas dan spesifik salah laku yang telah dilakukan oleh seseorang pegawai.
- 3.1.3 Laporan pelanggaran tatatertib tidak disertakan bukti kukuh atau dokumen yang menyokong.



3.2 Kelewatan Dalam Penyediaan Laporan Pelanggaran Tatatertib

- 3.2.1 Kelewatan dalam penyediaan laporan mengenai pelanggaran tatatertib yang boleh menjasikan keberkesanan tindakan tatatertib yang diambil.
- 3.2.2 Terdapat kejadian mengaitkan kesalahan lampau dengan kesalahan yang disiasat bagi menyediakan justifikasi dengan tujuan mengambil tindakan tatatertib atau bagi memberatkan hukuman.

3.3 Kurang Kefahaman Terhadap Prosedur Tatatertib

- 3.3.1 Surat pertuduhan dikemukakan bagi pertuduhan jenayah sedangkan tindakan sedemikian tidak perlu dilakukan. Tindakan berkaitan kes-kes jenayah akan dilaksanakan oleh jabatan atau agensi yang lain.
- 3.3.2 Kegagalan mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai yang dibebaskan daripada pertuduhan jenayah oleh Mahkamah atas apa-apa alasan lain yang berbangkit daripada kelakuananya berhubung dengan pertuduhan jenayah itu sama ada berkaitan atau tidak dengan perlaksanaan tugasnya, dengan syarat tindakan tatatertib itu tidak membangkitkan secara *substantial* isu-isu yang sama dengan isu-isu yang atasnya pegawai itu dibebaskan, sebagaimana dinyatakan di bawah peraturan 35(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

3.4 Ulasan Ketua Jabatan Terhadap Representasi Pegawai

Ketua Jabatan memberi ulasan ke atas perkara-perkara yang tiada kaitan dengan pertuduhan.

3.5 Kelemahan Penyediaan Pertuduhan dan Surat Pertuduhan

- 3.5.1 Pertuduhan terlalu umum.
- 3.5.2 Salah merujuk kepada peruntukan undang-undang atau peraturan yang berkaitan dengan kesalahan dalam pertuduhan.
- 3.5.3 Tajuk Surat Pertuduhan tidak jelas sama ada “tindakan tatatertib dengan tujuan turun pangkat atau buang kerja” atau “tindakan tatatertib bukan dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat”.
- 3.5.4 Tempoh bagi mengemukakan representasi dalam masa dua puluh satu hari (21) dari tarikh pertuduhan disampaikan tidak dinyatakan kepada pegawai.
- 3.5.5 Surat pertuduhan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Lembaga Tatatertib berkenaan tetapi ditandatangani oleh Ketua Jabatan atau urusetia.
- 3.6 Terdapat kelewatan dalam pengurusan kes tatatertib oleh Jabatan dengan mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan bagi mengelakkkan isu doktrin pemaafan atau *“condonation doctrine”*.
- 3.7 Tindakan gantung kerja tidak diambil oleh Jabatan setelah pegawai disabitkan kesalahan oleh mana-mana Mahkamah.
- 3.8 Tindakan urusetia melaksanakan mesyuarat sebelum tamat tempoh 21 hari pegawai mengemukakan representasi.


4 PENGGUNAAN JURNALINI

- 4.1 Jurnal Intergriti JBPM: Himpunan Kes-Kes Tatatertib ini diterbitkan untuk dijadikan panduan kepada mereka yang terlibat dalam pengurusan tatatertib di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- 4.2 Memandangkan Jurnal ini hanya sebagai panduan, mereka yang terlibat dalam menguruskan tatatertib tidak terikat untuk mengikuti sepenuhnya pengurusan kes yang telah diputuskan terdahulu. Ini kerana setiap kes mempunyai latar belakang yang tersendiri serta fakta kes yang berbeza antara satu dengan yang lain dan mestilah ditimbangkan berdasarkan fakta-fakta yang berkaitan kes itu sahaja. Merit sesuatu kes itu mestilah menjadi asas kepada membuat keputusan Pihak Berkuasa Tatatertib.

- 4.3 Adalah diharapkan dengan kefahaman daripada membaca Jurnal ini, mereka yang terlibat dapat menjalankan tugas berkaitan pengurusan tatatertib dengan lebih teratur menurut prosedur yang ditetapkan sambil dapat memelihara hak keadilan semua pihak yang terlibat.
- 4.4 Berkaitan penetapan hukuman, tiada garis panduan yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib bagi apa-apa kesalahan. Pihak Berkuasa Tatatertib mempunyai budi bicara yang luas dalam menetapkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan dan dengan menimbangkan representasi serta ulasan Ketua Jabatan. Secara umumnya Pihak Berkuasa Tatatertib boleh menggenakan mana-mana satu atau apa-apa kombinasi dua atau lebih daripada hukuman-hukuman di bawah peraturan 38, Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 seperti berikut;
- 4.4.1 Amaran;
 - 4.4.2 Denda;
 - 4.4.3 Lucut hak emolumen;
 - 4.4.4 Tangguh pergerakan gaji;
 - 4.4.5 Turun gaji;
 - 4.4.6 Turun pangkat;
 - 4.4.7 Buang kerja.
- 4.5 Dalam mengenakan sesuatu hukuman, Pihak Berkuasa Tatatertib harus melihat kesan kesalahan berkenaan kepada Jabatan bagi tujuan pengajaran dan pencegahan supaya tidak mengulangi kesalahan.

5. HAK DILINDUNGI / *DISCLAIMER*

Kes tatatertib yang dimuatkan di dalam Jurnal Integriti JBPM: Himpunan Kes-Kes Tatatertib adalah kes sebenar yang telah diputuskan dan boleh dijadikan pengajaran serta iktibar kepada semua warga Jabatan. Oleh itu Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta semua warga kerja yang terlibat dalam penerbitan Jurnal Integriti: Himpunan Kes-Kes Tatatertib ini adalah dilindungi daripada sebarang tindakan selanjutnya.



JURNAL INTEGRITI JBPM

HIMPUNAN KES-KES TATATERTIB



BAHAGIAN II

KES-KES TATATERTIB

KES 1

PENYALAHGUNAAN DADAH / PENGAMBILAN DADAH

1. LATAR BELAKANG KES

Encik BBJ adalah seorang Pegawai Bomba Gred KB 19 yang bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat XXX Negeri XYZ. Pegawai telah dilaporkan terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Pegawai Perubatan di Hospital Z pada 22 Ogos 201X telah mengesah dan memperakurkan bahawa pegawai ialah seorang penyalahguna dadah berbahaya jenis “11-Nor-Delta-9-Tetrahydrocannabinol-9-Carboxylic Acid”, suatu dadah berbahaya yang disenaraikan dalam Jadual Pertama kepada Akta Dadah Berbahaya 1952.



2. PENENTUAN KES

Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2 Jabatan (Pihak Berkusa Tatatertib yang mempunyai kuasa mengenakan hukuman selain buang kerja atau turun pangkat) di bawah peraturan 35, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, berpendapat bahawa pelanggaran tatatertib tersebut adalah dari jenis yang boleh dikenakan hukuman **buang kerja atau turun pangkat** di bawah peraturan 37, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

3. WUJUD/TIDAK WUJUD KES PRIMA FACIE

Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 1 Jabatan selepas menimbangkan kes ini di bawah peraturan 37, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 **berpuashati wujud suatu kes prima facie**.

4. SURAT PERTUDUHAN

Setelah menyemak laporan siasatan dan ulasan Urusetia Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No.1, Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 1 Jabatan telah mengeluarkan surat pertuduhan terhadap Encik BBJ seperti berikut;

4.1 Pertuduhan

Bahawa tuan, BBJ, No. Kad Pengenalan 123456-78-0001, Pegawai Bomba Gred KB19 di Balai Bomba dan Penyelamat XXX, Negeri XYZ telah didapati positif dadah jenis “11-Nor-Delta-9-Tetrahydrocannabinol-9-Carboxylic Acid” dan telah diperakurkan oleh Dr. N, Pegawai Perubatan Gred UD52 dari Jabatan Pesakit Luar Hospital XYZ pada 22 Ogos 201X sebagai “dia ialah seorang yang menggunakan atau mengambil, selain bagi maksud perubatan, suatu dadah berbahaya atau menyalahgunakan suatu dadah berbahaya yang disenaraikan dalam Jadual Pertama kepada Akta Dadah Berbahaya 1952”.

Perbuatan tuan tersebut telah melanggar Peraturan 7(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menyatakan seperti berikut:

“7(1) Seseorang Pegawai tidak boleh menggunakan atau mengambil (kecuali bagi maksud perubatan sebagaimana yang ditetapkan oleh seorang pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971) atau menyalahgunakan atau menagih dadah berbahaya”.

Oleh itu tuan boleh disifatkan sebagai mencemar imej perkhidmatan awam iaitu bertentangan dengan tatakelakuan di bawah peraturan 4(2)(d), Peraturan-Peraturan Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menyatakan-

**“4(2) Seseorang pegawai tidak boleh –
(d) berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan nama perkhidmatan awam.”**

5. REPRESENTASI

Pegawai boleh mengemukakan representasi secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Tatatertib dalam tempoh 21 hari bermula dari tarikh surat pertuduhan diserahkan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 37(2)(b) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.



Pegawai telah mengemukakan representasi terhadap pertuduhan yang telah dihadapkan kepadanya seperti yang dinyatakan berikut:

5.1. Ini adalah alasan mengapa saya tidak mengaku bersalah:

- i. Saya mengalami masalah sakit di bahagian lutut yang agak serius;
- ii. Saya menggunakan ubat-ubatan dari farmasi, kampung dan kedai ubatan tabib Cina;
- iii. Saya tidak mengetahui kandungan ubat tersebut ada mengandungi dadah terlarang;
- iv. Saya telah berkhidmat dalam Jabatan ini selama 22 tahun dan tidak pernah melakukan perkara yang boleh merosakkan masa depan kerjaya saya;
- v. Saya adalah pengendali dan pemandu jentera berat dalam Jabatan. Saya tahu bahawa sebagai pemandu saya tidak boleh berada di bawah pengaruh dadah; dan
- vi. Pada bulan September 201X yang lalu, saya telah melalui saringan air kencing untuk memperbaharui lesen GDL saya dan keputusannya adalah negatif dari sebarang jenis dadah.

- 5.2. Sehubungan dengan itu, saya mengaku tidak bersalah di atas pertuduhan ini dan mohon jasa baik pihak tuan memberi peluang untuk saya membela diri dan menjalani ujian saringan air kencing kali kedua.

6. ULASAN KETUA JABATAN

Ketua Jabatan dalam ulasannya menyatakan:

- 6.1 Jawapan dalam representasi bertulis pegawai menunjukkan pegawai adalah bersalah.
- 6.2 Mengesyorkan tindakan tatatertib terhadap pegawai dikenakan tetapi hukuman lebih ringan dari buang kerja kerana representasi yang beliau berikan adalah munasabah dan boleh diterima.

7. KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB

Lembaga Tatatertib setelah menimbangkan kes Encik BBJ, memutuskan bahawa pegawai didapati **bersalah** di pertuduhan tersebut dan dikenakan **hukuman Tangguh Pergerakan Gaji Selama 12 Bulan** mengikut peraturan 38(d), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Asas-asas pertimbangan keputusan:

- 7.1 Pegawai telah didapati terlibat dalam kesalahan dadah dan diperakui oleh Dr. N, Pegawai Perubatan Gred UD52 dari Jabatan Pesakit Luar Hospital XYZ pada 22 Ogos 201X sebagai “dia ialah seorang yang menggunakan atau mengambil, selain bagi maksud perubatan, suatu dadah berbahaya atau menyalahgunakan suatu dadah berbahaya yang disenaraikan dalam Jadual Pertama kepada Akta Dadah Berbahaya 1952”.
- 7.2 Tatacara tindakan tatatertib bagi kes kesalahan dadah pegawai ini adalah tertakluk kepada prosiding yang diperuntukkan di bawah **Peraturan 7(1)** dan **7(2)**, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
- 7.3 Sehubungan dengan itu, perbuatan pegawai ini diertikan sebagai berlakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan nama perkhidmatan awam iaitu bertentangan dengan **Peraturan 4(2)(d)**, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.




8. RAYUAN PEGAWAI



Pegawai boleh mengemukakan rayuan ke atas hukuman yang telah dijatuhkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 1 Jabatan. Rayuan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melalui Ketua Jabatan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pegawai menerima keputusan Lembaga Tatatertib, sebagaimana diperuntukkan di bawah peraturan 15(1), Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993.

Pegawai tidak mengemukakan sebarang rayuan sehingga tamat tempoh yang diberikan.



KES 2

TIDAK HADIR BERTUGAS DAN MEMALSKUAN SIJIL CUTI SAKIT

1. LATAR BELAKANG KES

Satu laporan telah diterima daripada Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri A mengenai salah laku PB LBK yang bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat B, tidak hadir bertugas selama satu ratus empat puluh satu hari tanpa bercuti atau tanpa kebenaran pada tarikh-tarikh 20.3.201X, 24.3.201X hingga 25.3.201X, 27.3.201X, 30.3.201X hingga 31.3.201X, 1.4.201X hingga 30.4.201X, 1.5.201X hingga 7.5.201X, 9.5.201X hingga 10.5.201X, 12.5.201X hingga 13.5.201X, 18.5.201X hingga 31.5.201X, 1.6.201X hingga 30.6.201X, 1.7.201X hingga 31.7.201X dan 1.8.201X hingga 19.8.201X. Pegawai itu juga dilaporkan telah memalsukan Sijil Cuti Sakit selama 2 hari bagi tarikh 24.3.201X hingga 25.3.201X berdasarkan pengesahan oleh Dr. C Pegawai Perubatan Gred UD54 di Klinik Kesihatan D.

2. PENEMUAN SIASATAN

Jawatankuasa Penyiasat yang ditubuhkan telah membuat semakan Jadual Panggilan Baris Kehadiran Bertugas Balai Bomba dan Penyelamat B dan mendapati benar PB LBK tidak hadir bertugas atau tidak hadir semasa pangilan baris pada tarikh-tarikh dinyatakan.

Semakan kesahihan Sijil Cuti Sakit bagi tempoh 24.3.201X hingga 25.3.201X yang dikeluarkan oleh Klinik Kesihatan D bernombor CIP M 176XXX bertarikh 24.3.201X disahkan oleh Doktor C bahawa Sijil Cuti Sakit berkenaan tidak pernah dikeluarkan oleh Klinik Kesihatan D kepada PB LBK dan ianya adalah palsu.

Tindakan pengesanan telah dilakukan dan Surat Arahan Hadir Bertugas telah dikeluarkan sebanyak dua kali iaitu pada 8.4.201X dan 24.4.201X. Walaupun PB LBK telah mengesahkan penerimaan Surat Akuan Terima Surat Arahan Hadir Bertugas masing-masing pada 9.4.201X dan 5.5.201X, tetapi dia tetap tidak hadir bertugas.

Setelah selesai menjalankan siasatan, Jawatankuasa Penyiasat mendapati PB LBK telah;

2.1 Memalsukan Sijil Cuti Sakit dua hari bernombor CIP M 176XXX.

Laporan Polis juga telah dibuat di Balai Polis Sungai E pada 8.5.201X mengenai perbuatan PB LBK **memalsukan Sijil Cuti Sakit** bernombor CIP M 176XXX.

- 2.2 **Tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah selama dua hari** iaitu pada 24.3.201X hingga 25.3.201X sebagaimana dituliskan dalam Sijil Cuti Sakit yang berkenaan.
- 2.3 **Tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah selama 139 hari** iaitu pada 20.3.201X, 27.3.201X, 30-31.3.201X, 1-30.4.201X, 1-7.5.201X, 9-10.5.201X, 12-13.5.201X, 18-31.5.201X, 1-30.6.201X, 1-31.7.201X dan dari 1-19.8.201X.

Senarai Semak telah dilakukan oleh Pegawai Pelapor sebelum laporan diangkat kepada Pihak Berkuasa Tatatertib untuk prosiding tatatertib.

3. PENENTUAN KES

Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2 Jabatan (Pihak Berkuasa Tatatertib) yang mempunyai kuasa menggenakan hukuman selain buang kerja atau turun pangkat) di bawah peraturan 35, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, berpendapat bahawa pelanggaran tatatertib tersebut adalah dari jenis yang patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat di bawah peraturan 37, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

4. WUJUD/TIDAK WUJUD KES *PRIMA FACIE*

Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 1 Jabatan selepas menimbangkan kes ini di bawah peraturan 36, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 **berpuashati wujud suatu kes *prima facie*.**

5. PERTUDUHAN

Setelah menyemak laporan siasatan dan ulasan Urusetia Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No.1, Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 1 Jabatan telah mengeluarkan surat pertuduhan terhadap PB LBK seperti berikut;

5.1 Pertuduhan Pertama

Bahawa tuan, PB LBK, No. Kad Pengenalan 123456-78-0001 pada 24.3.201X hingga 25.3.201X, didapati telah memalsukan Sijil Cuti Sakit selama dua hari yang dikeluarkan oleh Klinik Kesihatan D.

Oleh itu tuan boleh disifatkan sebagai berkelakuan tidak jujur atau tidak amanah dan tidak bertanggungjawab iaitu bertentangan dengan tatakelakuan di bawah peraturan 4(2) (f) dan (g), Peraturan-Peraturan Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menyatakan-

- “4(2) Seseorang pegawai tidak boleh –**
- (f) tidak jujur atau tidak amanah; dan**
 - (g) tidak bertanggungjawab.**

5.2 Pertuduhan Kedua

Bahawa tuan, PB LBK, No. Kad Pengenalan 123456-78-0001, didapati telah tidak hadir bertugas selama dua hari tanpa cuti atau tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah pada tarikh-tarikh 24.3.201X hingga 25.3.201X di Balai Bomba dan Penyelamat B.

Oleh itu tuan didapati telah melanggar peraturan 4(2) (g) dan (i) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menyatakan;

- “4(2) Seseorang pegawai tidak boleh –**
- (g) tidak bertanggungjawab; dan**
 - (i) ingkar perintah.”**

5.3 Pertuduhan Ketiga

Bahawa tuan, PB LBK, No. Kad Pengenalan 123456-78-0001, didapati telah tidak hadir bertugas selama 139 hari tanpa cuti atau tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah pada tarikh-tarikh 20.3.201X, 27.3.201X, 30-31.3.201X, 1-30.4.201X, 1-7.5.201X, 9-10.5.201X, 12-13.5.201X, 18-31.5.201X, 1-30.6.201X, 1-31.7.201X dan dari 1-19.8.201X di Balai Bomba dan Penyelamat B.

Oleh itu tuan didapati telah melanggar peraturan 4(2) (g) dan (i) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menyatakan;

- “4(2) Seseorang pegawai tidak boleh –**
- (g) tidak bertanggungjawab; dan**
 - (i) ingkar perintah.”**

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga, perbuatan tersebut membolehkan tuan dikenakan tindakan tatatertib selaras di bawah peraturan 24 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menyatakan-

- “24 Ketidakhadiran untuk bertugas oleh seseorang pegawai tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah boleh menyebabkan pagawai itu dikenakan tindakan tatatertib.”**

Jika tuan didapati bersalah terhadap pertuduhan di atas, tuan boleh dikenakan tindakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan dua atau lebih hukuman yang dinyatakan dalam peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

6. REPRESENTASI

Pegawai boleh mengemukakan representasi secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Tatatertib dalam tempoh 21 hari bermula dari tarikh surat pertuduhan diserahkan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 37(2)(b) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

PB LBK tidak pernah mengemukakan sebarang representasi sehingga tempoh itu tamat.

7. ULASAN KETUA JABATAN

Setelah mengkaji fakta-fakta dan keterangan-keterangan yang ada mengenai kes ini, Ketua Balai B selaku Ketua Jabatan mengemukakan ulasan seperti berikut;

7.1 Latarbelakang Pegawai

Pegawai pernah berkhidmat di Balai Bomba dan Penyelamat E pada 8.2.200X dan di Balai Bomba dan Penyelamat B mulai 1.9.201X hingga kejadian kes ini.



7.2 Prestasi Kerja

Sepanjang berkhidmat di Balai Bomba dan Penyelamat B, pegawai telah menunjukkan prestasi yang baik. Pegawai juga menunjukkan tingkahlaku yang positif dan menyumbang dalam program Jabatan. Pegawai ini adalah seorang pemandu jentera bomba.

7.3 Perwatakan

Beliau seorang yang patuh kepada arahan dan tidak pernah menimbulkan sebarang masalah kepada pegawai atasan. Sifat positif pegawai ini mulai merosot pada awal tahun 201X apabila kurang memberi tumpuan dan komitmen terhadap tugas. Pegawai ini pernah diberi nasihat dan teguran oleh Penyelia dan Ketua Balai.

7.4 Tindakan Pengesanan

Pada 20.3.201X pegawai ini telah menghilangkan diri tanpa dapat dihubungi kerana panggilan tidak dijawab. Surat arahan hadir bertugas serta-merta telah dikeluarkan tetapi tiada maklum balas kerana berpindah rumah. Surat tersebut bagi kali kedua telah dikeluarkan dan mendapat akuan penerimaan daripadanya pada 5.5.201X. Pegawai telah hadir bertugas pada 8.5.201X manakala Surat Tunjuk Sebab telah disampaikan pada sebelah petang hari yang sama dan telah mendapat pengakuan penerimaan.

7.5 Keengganan Mengemukakan Representasi

Pada 7.11.201X surat pertuduhan dan pernyataan haknya untuk mengemukakan representasi dalam tempoh 21 hari dari Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 1 bertarikh 30.9.201X telah diserah dan diterima tetapi pegawai ini tidak mengemukakan sebarang representasi.

7.6 Ulasan Kes dan Syor Tindakan

Perbuatan pegawai mengemukakan Sijil Cuti Sakit palsu dan tidak hadir bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat B selama 139 hari tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah adalah suatu kesalahan yang berat kerana melanggar peraturan 24, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan boleh menyebabkan pagawai itu dikenakan tindakan tatatertib.

Dengan mempertimbangkan keseriusan kesalahan pemalsuan Sijil Cuti Sakit yang pegawai ini telah lakukan, perbuatan pegawai tidak lagi hadir bertugas dalam tempoh yang panjang serta keengganannya untuk menjawab surat tunjuk sebab yang dikemukakan kepadanya, pegawai ini telah menunjukkan sikap yang tidak lagi berminat untuk meneruskan perkhidmatannya dalam Jabatan.

8. KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB



Lembaga Tatatertib setelah menimbangkan kes PB LBK, memutuskan bahawa pegawai didapati bersalah di atas ketiga-tiga pertuduhan tersebut dan dikenakan **hukuman buang kerja** mengikut peraturan 38(g), Peraturan-Peraturan Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Asas-asas pertimbangan keputusan:

- 8.1 Sebagai anggota pasukan bomba yang berperanan menjalankan tugas menyelamatkan nyawa dan harta benda awam dalam sebarang kejadian kebakaran atau bencana yang dihadapi, pegawai perlu mempunyai sikap jujur dan amanah serta bertanggungjawab. Perbuatan memalsukan Sijil Cuti Sakit jelas bertentangan dengan sifat pegawai yang dikehendaki bagi melaksanakan tugas dengan jujur, amanah dan bertanggungjawab.

- 8.2 Perbuatan pegawai tidak hadir bertugas juga tidak memenuhi sikap bertanggungjawab sebaliknya ingkar perintah yang menghendaki beliau hadir bertugas menurut jadual yang ditetapkan.
- 8.3 Menjadi teladan kepada pegawai yang lain supaya tidak melakukan kesalahan yang sama.

9. RAYUAN PEGAWAI



Pegawai boleh mengemukakan rayuan ke atas hukuman yang telah dijatuhkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 1 Jabatan. Rayuan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melalui Ketua Jabatan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pegawai menerima keputusan Lembaga Tatatertib, sebagaimana diperuntukkan di bawah peraturan 15(1), Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993.

Pegawai tidak mengemukakan sebarang rayuan sehingga tamat tempoh yang diberikan.



KES 3

MENGEMUKAKAN TUNTUTAN PALSU

1. LATAR BELAKANG KES

Salahlaku Penolong Penguasa Bomba KBP yang bertugas di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri N berkaitan dengan mengemukakan Tuntutan Palsu untuk perolehan makan dan minum peserta kursus yang berjumlah RM2,392.00 bagi satu siri kursus yang dilaksanakan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia V pada tahun 201X.

2. PENENTUAN KES

Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2 Jabatan setelah menimbangkan segala maklumat yang diterima berpendapat bahawa pegawai ini patut dikenakan tindakan tatatertib bukan dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat di bawah peraturan 36, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 .

3. WUJUD/TIDAK WUJUD KES *PRIMA FACIE*

Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2 Jabatan yang mempunyai kuasa mengenakan hukuman selain buang kerja atau turun pangkat selepas menimbang kes ini di bawah peraturan 36, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 berpuashati **wujud suatu kes *prima facie***.

4. PERTUDUHAN

Pertuduhan Pertama

Bahawa tuan, **KBP, No. Kad Pengenaian:123456-78-0001 semasa bertugas di JBPM Negeri N** selaku Penyelaras Kursus telah berkelakuan tidak jujur, tidak amanah serta tidak bertanggungjawab dengan mengarahkan pembekal makanan iaitu Restoran D' L untuk membuat tuntutan palsu bagi makan minum pada hari Sabtu dan Ahad sepanjang kursus berlangsung walaupun tuan sedar dan sedia maklum bahawa tiada sebarang aktiviti diadakan dan semua peserta kursus dibenarkan keluar atau pulang pada hari dan tarikh tersebut. Tuntutan tersebut adalah berjumlah RM2,392.00 untuk 4 hari iaitu pada 3 Oktober 201X, 4 Oktober 201X, 10 Oktober 201X dan 11 Oktober 201X.

Pertuduhan Kedua

Bahawa tuan, **KBP, No. Kad Pengenalan:123456-78-0001 semasa bertugas di JBPM Negeri N** selaku Penyelaras Kursus telah berkelakuan tidak jujur, tidak amanah serta tidak bertanggungjawab dengan mengambil sejumlah bayaran sebanyak RM2,392.00 yang dituntut dari pembekal makanan iaitu Restoran D' L hasil dari tuntutan palsu makan dan minum pada hari Sabtu dan Ahad sepanjang kursus berlangsung.

Pertuduhan Ketiga

Bahawa tuan, **KBP, No. Kad Pengenalan:123456-78-0001 semasa bertugas di JBPM Negeri N** selaku Penyelaras Kursus telah didapati berkelakuan tidak jujur, tidak amanah serta tidak bertanggungjawab kerana memberi keterangan palsu iaitu menyatakan hanya menerima bayaran sejumlah lebih kurang RM700 daripada pembekal makanan iaitu Restoran D' L hasil dari tuntutan palsu makan dan minum bagi peserta pada hari Sabtu dan Ahad sepanjang kursus berlangsung sedangkan jumlah sebenar yang diterima oleh tuan adalah sebanyak RM2,392.00.

Pertuduhan Keempat

Bahawa tuan, **KBP, No. Kad Pengenalan:123456-78-9101 semasa bertugas di JBPM Negeri N** selaku Penyelaras Kursus telah didapati berkelakuan tidak jujur dan tidak amanah dengan mengarahkan Cik ABA, Pengurus Restoran D' L untuk memberi keterangan palsu dan mengelirukan kepada Jawatankuasa Penyiasat bagi menyembunyikan kesalahan yang telah dilakukan iaitu hanya menerima bayaran sejumlah lebih kurang RM700, sedangkan tuan menerima jumlah bayaran sebanyak RM2,392.00 hasil dari tuntutan palsu makan dan minum bagi peserta pada hari Sabtu dan Ahad sepanjang kursus berlangsung

Oleh itu tuan boleh disifatkan sebagai berkelakuan tidak jujur dan tidak amanah serta tidak bertanggungjawab iaitu bertentangan dengan tatakelakuan di bawah peraturan 4(2)(f) dan (g) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menyatakan-

- “4(2) Seseorang pegawai tidak boleh –**
- (f) tidak jujur dan tidak amanah;**
 - (g) tidak bertanggungjawab**

5. REPRESENTASI PEGAWAI



Pegawai boleh mengemukakan representasi secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Tatatertib dalam tempoh 21 hari bermula dari tarikh surat pertuduhan diserahkan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 36(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Pegawai telah mengemukakan representasi terhadap pertuduhan yang telah dihadapkan kepadanya seperti yang dinyatakan berikut:

Pertuduhan pertama

Mengaku tidak bersalah di atas pertuduhan yang telah dikenakan dan tidak mengaku mengarahkan pihak pembekal makanan iaitu Restoran D' L untuk membuat tuntutan seperti yang telah dinyatakan dalam pertuduhan pertama dan urusan permohonan sebutharga dan pesanan tempatan tidak diuruskan.

Pertuduhan kedua:

Mengaku tidak bersalah di atas pertuduhan yang telah dikenakan dan tidak mengaku menuntut dan mengambil bayaran sebanyak RM2,392.00 dari pembekal makanan dari Restoran D' L.

Pertuduhan ketiga:

Mengaku tidak bersalah di atas pertuduhan yang telah dikenakan berkenaan memberi keterangan palsu dan tidak menerima jumlah bayaran sebanyak RM2,392.00 dari pembekal makanan iaitu Restoran D' L dan hanya menerima sumbangan bagi tujuan pembelian seperti perincian di bawah:

Perincian Perbelanjaan Sumbangan			
Bil	Perkara	Jumlah	Catatan
1	Penggunaan bagi pembelian lencana oleh peserta kursus dan diuruskan oleh Ketua Kursus XXXX bagi kegunaan semasa tamat latihan	RM420.00	Setiap bayaran telah diketahui dan dipersetujui oleh semua peserta kursus
2	Pembelian hadiah bagi peserta kursus terbaik	RM100.00	
3	Baki dari sumbangan tersebut	RM208.00	Telah didermakan kepada Surau FGH

Pertuduhan keempat:

Tidak mengaku bersalah atas pertuduhan mengarahkan Cik ABA, Pengurus Restoran D'L untuk memberi keterangan palsu dan mengelirukan Jawatankuasa Penyiasat bagi menyembunyikan kesalahan seperti yang telah dinyatakan dalam pertuduhan keempat.

6. ULASAN KETUA JABATAN

Ketua Jabatan menyatakan bahawa pegawai amat komited dalam melaksanakan tugas dan memohon Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2 Jabatan menjalankan penyiasatan secara terperinci sebelum membuat penilaian untuk menjatuhkan hukuman.

7. KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB

Lembaga Tatatertib setelah menimbang representasi pegawai, telah membuat keputusan agar pegawai dikenakan hukuman **AMARAN** mengikut Peraturan 38(a), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi pertuduhan tersebut.

8. RAYUAN PEGAWAI

Pegawai boleh mengemukakan rayuan ke atas hukuman yang telah dijatuhkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2 Jabatan. Rayuan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melalui Ketua Jabatan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pegawai menerima keputusan Lembaga Tatatertib, sebagaimana diperuntukkan di bawah peraturan 15(1), Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993.

Pegawai tidak mengemukakan sebarang rayuan sehingga tamat tempoh yang diberikan.



KES 4

KESALAHAN MENJATUHKAN REPUTASI PERKHIDMATAN AWAM - KENYATAAN YANG KURANG SOPAN DI LAMAN SESAWANG FACEBOOK

1. LATAR BELAKANG KES

Encik LBM, Penolong Penguasa Bomba Gred KB32 di Bahagian Keselamatan Kebakaran, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Z telah dihadapkan dengan pertuduhan di Mahkamah Majistret Negeri Z kerana dengan sengaja mengeluarkan kenyataan yang kurang sopan dengan berkata “polis bodoh” di laman sesawang *facebook* nya pada 15 Mac 201X.

Sehubungan dengan itu, pegawai tersebut telah dituduh di Mahkamah Majistret A dan jika bersalah boleh dihukum di bawah Seksyen 14, Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955. Beliau telah didapati bersalah oleh Mahkamah Majistret A dan dijatuhkan hukuman denda **RM 100.00 atau dipenjara 14 hari**.

2. PERAKUAN KETUA JABATAN

Setelah kronologi kes dipertimbangkan, perwatakan dan prestasi pegawai, Ketua Jabatan telah mengesyorkan agar pegawai dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan 32(2) (b), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 **“pegawai itu patut dihukum dengan apa-apa hukuman selain buang kerja atau turun pangkat”**

3. KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB

Setelah menimbang laporan itu dan perakuan Ketua Jabatan maka Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 1 Jabatan telah memutuskan agar pegawai dikenakan hukuman **AMARAN** mengikut Peraturan 38(a), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

4. RAYUAN PEGAWAI

Pegawai boleh mengemukakan rayuan ke atas hukuman yang telah dijatuhkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 1 Jabatan. Rayuan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melalui Ketua Jabatan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pegawai menerima keputusan Lembaga Tatatertib, sebagaimana diperuntukkan di bawah peraturan 15(1), Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993.

Pegawai tidak mengemukakan sebarang rayuan sehingga tamat tempoh yang diberikan.

KES 5

LAWATAN PERSENDIRIAN KE LUAR NEGARA TANPA KEBENARAN

1. LATAR BELAKANG KES

Encik ABM, Pegawai Pengurusan dan Profesional, JBPM Negeri S telah didapati membuat lawatan persendirian keluar negara sebanyak 8 kali tanpa mendapat kebenaran Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada tarikh-tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Bil	Negara	Tarikh Keluar Negara
1	Singapura	XXXXXX
2	Singapura	XXXXXX
3	Singapura	XXXXXX
4	Singapura	XXXXXX
5	Singapura	XXXXXX
6	Singapura	XXXXXX
7	Singapura	XXXXXX
8	Singapura	XXXXXX

2. PENENTUAN KES

Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Pengurusan No. 2 Jabatan telah memutuskan bahawa pelanggaran tatatertib yang dilakukan pegawai adalah dari jenis yang patut dikenakan hukuman bukan dengan buang kerja atau turun pangkat iaitu Peraturan 36, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

3. WUJUD/TIDAK WUJUD KES PRIMA FACIE

Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Pengurusan No. 2 Jabatan yang mempunyai kuasa mengenakan hukuman selain buang kerja atau turun pangkat selepas menimbang kes ini di bawah peraturan 36, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 berpuashati **wujud suatu kes prima facie**.

4. PERTUDUHAN

Bahawa tuan, ABM (KP:123456-78-0001) telah didapati membuat lawatan persendirian ke luar negara iaitu ke Singapura sebanyak 8 kali tanpa mendapat kebenaran Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada tarikh-tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Bil	Negara	Tarikh Keluar Negara
1	Singapura	XXXXXX
2	Singapura	XXXXXX
3	Singapura	XXXXXX
4	Singapura	XXXXXX
5	Singapura	XXXXXX
6	Singapura	XXXXXX
7	Singapura	XXXXXX
8	Singapura	XXXXXX

Perbuatan tuan itu telah melanggar peruntukan di dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2014 (Pindaan Surat Pekeliling Bilangan 3 Tahun 2012) yang mewajibkan semua Pegawai Kerajaan mendapatkan kelulusan daripada Ketua Jabatan yang menyatakan seperti berikut:

“7. Pegawai yang sering berulang alik ke luar negara jiran yang bersempadan dengan Malaysia kecuali ke Singapura dan Brunei, kerana urusan persendirian juga perlu membuat permohonan melalui borang Permohonan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian di Lampiran 1 dan borang Perisyntiharhan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian di Lampiran 2. Pegawai Pelulus boleh dengan budi bicara memberi kelulusan menyeluruh (*blanket approval*) untuk tempoh satu (1) tahun mulai tarikh kelulusan diberikan. Kelonggaran kepada pegawai yang berulang alik ke Singapura dan Brunei, dihadkan kepada enam (6) kali setahun, selebihnya pegawai perlu mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan.”

Perbuatan tuan ini disifatkan sebagai ingkar perintah iaitu bertentangan dengan tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2)(i), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menyatakan seperti berikut:

**“4(2) Seseorang pegawai tidak boleh –
(i) ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh disifatkan sebagai ingkar perintah.”**

5. REPRESENTASI PEGAWAI

Pegawai boleh mengemukakan representasi secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Tatatertib dalam tempoh 21 hari bermula dari tarikh surat pertuduhan diserahkan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 36(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Pegawai telah mengemukakan representasi terhadap pertuduhan yang telah dihadapkan kepadanya seperti yang dinyatakan berikut:

Saya mengaku saya cuai di dalam melaksanakan arahan sebagai penjawat awam. Saya merayu agar hukuman yang dikenakan paling minima atas kesalahan tersebut. Saya memohon maaf di atas kesalahan tersebut dan tidak akan mengulangi lagi.

6. ULASAN KETUA JABATAN

Ketua Jabatan mengemukakan ulasan seperti berikut:

- (a) Berdasarkan kepada representasi/jawapan beliau bertarikh 30 Oktober 201X, beliau telah mengaku melakukan kecuaian dalam mematuhi arahan sebagai penjawat awam. Tiada alasan yang terperinci diberikan berhubung dengan pelanggaran arahan tersebut. Beliau hanya merayu agar hukuman yang bakal dikenakan adalah minima dan telah berjanji untuk tidak mengulangi perkara tersebut.
- (b) Memandangkan bahawa beliau telah mengaku melakukan kecuaian dengan tidak mematuhi arahan sebagai penjawat awam, maka saya berpendapat bahawa beliau telah melakukan satu kesalahan di bawah peraturan 36, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
- (c) Oleh kerana kesalahan yang telah dilakukan adalah bersifat peribadi dan tidak melibatkan kewangan atau kepentingan awam, adalah disyorkan supaya Lembaga Tatatertib Kumpulan Pengurusan No. 2 Jabatan menimbangkan untuk mengenakan hukuman yang lebih ringan kepada tertuduh iaitu amaran.

7. KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB

Dimaklumkan bahawa Lembaga Tatatertib Kumpulan Pengurusan No. 2 Jabatan telah menimbangkan dengan teliti pertuduhan ke atas pegawai dan memutuskan pegawai didapati **bersalah** di atas pertuduhan tersebut.

Sehubungan dengan itu, pegawai dikenakan hukuman **AMARAN** mengikut Peraturan 38(a), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi pertuduhan tersebut berkuatkuasa **15 JANUARI 201X**.

8. RAYUAN PEGAWAI

Pegawai boleh mengemukakan rayuan ke atas hukuman yang telah dijatuhkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kumpulan Pengurusan No. 2 Jabatan. Rayuan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melalui Ketua Jabatan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pegawai menerima keputusan Lembaga Tatatertib, sebagaimana diperuntukkan di bawah peraturan 15(1), Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993.

Pegawai tidak mengemukakan sebarang rayuan sehingga tamat tempoh yang diberikan.

KES 6

GANGGUAN SEKSUAL

1. LATAR BELAKANG KES

Encik DBD adalah seorang Pegawai Bomba Gred KB 19 memangku gred KB 22 yang bertugas di Balai Bomba dan



Penyelamat XXX, Negeri L. Pegawai telah dilaporkan melakukan gangguan seksual terhadap seorang Pegawai Bomba Wanita yang bertugas di balai yang sama. Pada 5 Jun 201X Encik DBD, selaku Ketua Pasukan X semasa operasi pemadaman api hutan telah melakukan perbuatan yang disifatkan sebagai gangguan seksual dengan mengangkat Pegawai Bomba Wanita SABM iaitu pegawai dibawah seliaannya dengan mendukung SABM secara “*direct body contact*” tanpa menggunakan sebarang peralatan perantaraan, tanpa kerelaan beliau, menyebabkan SABM berasa sakit dan marah.

Encik DBD juga telah melakukan perbuatan yang disifatkan gangguan seksual pada 21 Disember 201X dengan menjengah melalui tingkap kereta Pegawai Bomba SABM dengan memandang ke arah dada untuk melihat pakaian dalamnya menyebabkan beliau merasa tidak selesa dan marah.

2. PENENTUAN KES

Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2 Jabatan yang mempunyai kuasa mengenakan hukuman selain buang kerja atau turun pangkat) telah memutuskan bahawa pelanggaran tatatertib yang dilakukan pegawai adalah dari jenis yang patut dikenakan hukuman bukan dengan buang kerja atau turun pangkat iaitu Peraturan 36, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

3. WUJUD/TIDAK WUJUD KES *PRIMA FACIE*

Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2 Jabatan selepas menimbangkan kes ini di bawah peraturan 36, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 **berpuashati wujud suatu kes *prima facie*.**

4. SURAT PERTUDUHAN

Setelah menyemak laporan siasatan dan ulasan Urusetia Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2 Jabatan, Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2 Jabatan telah mengeluarkan surat pertuduhan terhadap Encik DBD seperti berikut;

4.1 Pertuduhan Pertama

Bahawa tuan, DBD, No. Kad Pengenalan 123456-78-0001, seorang Pegawai Bomba Gred KB 19 memangku gred KB 22 yang bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat XXX, Negeri L selaku Ketua Pasukan X, pada 5 Jun 201X di antara jam 4:00-7:00 petang semasa operasi pemadam api hutan di kawasan Taman Bukit X, telah didapati melakukan perbuatan yang disifatkan sebagai gangguan seksual dengan mengangkat Pegawai Bomba Wanita SABM iaitu pegawai di bawah seliaan tuan dengan mendukung secara *"direct body contact"* tanpa menggunakan sebarang peralatan perantaraan, tanpa kerelaan beliau, menyebabkan beliau berasa sakit dan marah.

4.2 Pertuduhan Kedua

Bahawa tuan, DBD, No. Kad Pengenalan 123456-78-0001, seorang Pegawai Bomba Gred KB 19 memangku gred KB 22 yang bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat XXX, Negeri L selaku Ketua Pasukan X, pada 21 Disember 201X telah didapati melakukan perbuatan yang disifatkan sebagai gangguan seksual dengan menjengah melalui cermin tingkap kereta Pegawai Bomba Wanita SABM iaitu pegawai di bawah seliaan tuan dengan memandang ke arah dadanya untuk melihat pakaian dalamnya menyebabkan beliau merasa tidak selesa dan marah.

Perbuatan tuan melakukan gangguan seksual itu adalah melanggar peraturan 4A(1)(a) dan 4A(1)(b), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menyatakan seperti berikut:

- “4A(1) Seseorang pegawai tidak boleh melakukan gangguan seksual terhadap orang lain, iaitu, seseorang pegawai tidak boleh –**
- (a) membuat cubaan untuk merapati orang lain secara seksual, atau meminta layanan seksual daripada orang itu; atau**
 - (b) melakukan apa-apa perbuatan yang bersifat seksual berhubung dengan orang lain, dalam keadaan yang, setelah mengambil kira segala hal keadaan, akan menyebabkan seseorang yang waras tersinggung, terhina atau terugut.”**

Oleh itu tuan boleh disifatkan sebagai mencemar imej perkhidmatan awam iaitu bertentangan dengan tatakelakuan di bawah peraturan 4(2)(d), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menyatakan-

- “4(2) Seseorang pegawai tidak boleh –**
- (d) berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan nama perkhidmatan awam.”**

5. REPRESENTASI



Pegawai boleh mengemukakan representasi secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Tatatertib dalam tempoh 21 hari bermula dari tarikh surat pertuduhan diserahkan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 36(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Pegawai telah mengemukakan representasi terhadap pertuduhan yang telah dihadapkan kepadanya seperti yang dinyatakan berikut:

- 5.1. Saya seperti nama dan alamat di atas dan sebagai Penyelia atau yang lebih kanan bertanggungjawab untuk mendidik, mengajar serta membimbing anggota bawahan saya dari segi ilmu serta adab sebagai seorang penjawat awam sebagaimana yang diamanahkan oleh Jabatan dan juga Kementerian.
- 5.2. Ketegasan seseorang Penyelia atau Ketua Pasukan akan menyebabkan seseorang kurang berpuas hati (sakit hati) dan juga pegawai atau mereka yang berfikiran negatif (buruk sangka). Kejadian di tempat operasi (Api Hutan pada 5 Jun 201X di antara jam 4:00-7:00 petang) saya sebagai Penyelia atau Ketua Pasukan hanya bertanggungjawab membantu pegawai/anggota yang dalam kesusahan tanpa ada apa-apa niat yang serong atau salah perlakuan terhadap Pegawai Wanita berkenaan.
- 5.3. Semasa Pasukan kami menjalankan aktiviti Jadual Tugas Harian (JTH) di dalam kawasan balai (padang kawad) tanpa diundang seorang penjawat awam berpakaian orang awam yang kurang sopan dan menjolok mata (iaitu Pegawai Bomba Wanita SABM) memasuki kawasan larangan latihan dengan menaiki kereta jenis Perodua mengoda dan saya telah bercakap dengannya apa tujuan namun pandangan mata saya dan teguran saya telah disalah ertikan sebagaimana yang didakwa oleh beliau.
- 5.4. Sebagai seorang Penyelia/Ketua Pasukan saya sememangnya akan terdedah dengan pertuduhan yang liar seperti ini yang mana Penyelia yang tegas seperti saya ramai yang berfikiran negatif (sakit hati). Justeru itu saya mengharapkan pihak Tuan menimbangkan kesesuaian atau relevankah seseorang perempuan ditempatkan bersama-sama pegawai lelaki seramai 15-20 orang pegawai dalam suatu kerja operasi kebakaran atau menyelamat atau bertugas di balai yang mana pertuduhan seperti ini juga boleh disabitkan kepada mana-mana pegawai lelaki lain di masa akan datang.
- 5.5. Dengan ini kedua-dua pertuduhan ke atas saya adalah tidak benar dan saya tidak bersalah di dalam pertuduhan ini.

6. ULASAN KETUA JABATAN



Ketua Jabatan dalam ulasannya menyatakan:

- 6.1. Pegawai didapati melanggar Peraturan 4A(1)(a) dan 4A(1)(b), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

- 6.2. Perbuatan pegawai ini boleh disifatkan telah memburukkan nama atau mencemarkan nama perkhidmatan awam iaitu bertentangan dengan tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2)(d), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

7. KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB

Lembaga Tatatertib setelah menimbangkan kes Encik DBD, memutuskan bahawa pegawai didapati **bersalah** di pertuduhan tersebut dan dikenakan **hukuman Amaran, Tangguh Pergerakan Gaji Selama 6 Bulan dan Turun Gaji Sebanyak Satu (1) Pergerakan Gaji Selama Tempoh 12 Bulan** mengikut peraturan 38(a), (d) dan (e) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Asas-asas pertimbangan keputusan:

- 7.1. Perbuatan pegawai telah melanggar Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993;
- 7.2. Kesalahan pegawai adalah suatu kesalahan yang berat dan serius;
- 7.3. Lembaga Tatatertib mendapati bahawa Jawatankuasa Penyiasat telah berjaya membuktikan tiada sebarang keraguan bahawa salahlaku gangguan seksual telah berlaku sesuai dengan definisi dalam Peraturan 4A(1)(a) dan 4A(1)(b), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993;
- 7.4. Perbuatan pegawai adalah satu perbuatan yang tidak wajar dilakukan oleh seorang penjawat awam yang bertanggungjawab dan berdisiplin;
- 7.5. Sebagai Penjawat Awam, pegawai sepautunya sedia maklum dan mengetahui peraturan sedia ada yang telah ditetapkan oleh Jabatan;
- 7.6. Kesalahan tersebut akan menjadi pengajaran kepada pegawai untuk lebih berhati-hati; dan
- 7.7. Menjadi tauladan kepada pegawai lain supaya tidak melakukan kesalahan yang sama.

8. RAYUAN PEGAWAI

Pegawai boleh mengemukakan rayuan ke atas hukuman yang telah dijatuhkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2 Jabatan. Rayuan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melalui Ketua Jabatan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pegawai menerima keputusan Lembaga Tatatertib, sebagaimana diperuntukkan di bawah peraturan 15(1), Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993.

Pegawai (perayu) mengemukakan rayuan berdasarkan alasan- alasan berikut kepada Lembaga Rayuan Tataterrib:

- 8.1. Pegawai tidak mengaku melakukan kesalahan tersebut dan menyatakan bahawa hanya berlaku salah faham.
- 8.2. Pegawai merayu supaya meringankan hukuman yang telah dikenakan.

9. ULASAN KETUA JABATAN TERHADAP RAYUAN PEGAWAI

Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan kepada Lembaga Rayuan Tataterrib, rayuan perayu beserta ulasan Ketua Jabatan terhadap rayuan perayu dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat rayuan perayu diterima sebagaimana yang ditetapkan di bawah peraturan 15(2) Peraturan-Peraturan Lembaga Tataterrib Perkhidmatan awam 1993.

Ketua Jabatan mengemukakan ulasan seperti berikut:

- 9.1. Bahawa hukuman yang dikenakan ke atas perayu adalah setimpal dengan kesalahan yang dilakukannya.

10. KEPUTUSAN LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB

Rayuan perayu ditolak dan hukuman yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tataterrib telah diubah.

Asas-asas pertimbangan keputusan:

- 10.1. Rayuan perayu tidak mempunyai alasan yang kukuh untuk mengubah keputusan Lembaga Tataterrib Jabatan; dan
- 10.2. Keputusan Lembaga Tataterrib dipinda dengan mengubah hukuman kepada Amaran dan Turun Gaji sebanyak Satu (1) Pergerakan gaji selama tempoh 12 bulan.



KES 7

MAHKAMAH SYARIAH (KESALAHAN BERJUDI)

1. LATAR BELAKANG KES

Encik MBA, Pegawai Bomba Gred KB22 yang bertugas di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri P telah dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Negeri P pada 28 Julai 201X atas pertuduhan berada di rumah judi iaitu di dalam Premis Magnum 4D. Susulan daripada perbicaraan tersebut, pegawai telah didapati bersalah oleh Mahkamah Rendah Syariah mengikut Seksyen 17(1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri P Tahun 1995 dan dijatuhkan hukuman denda RM2,200.00 atau 2 bulan penjara”.



2. SYOR KETUA JABATAN

Berdasarkan kepada kesalahan dan keputusan pensabitan di bawah Seksyen 17(1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri P Tahun 1995 atas kesalahan berada di rumah judi iaitu di dalam Premis Magnum 4D dan pegawai telah didapati bersalah serta telah dikenakan hukuman denda sebanyak RM2,200.00 oleh Mahkamah Rendah Syariah Negeri P. Perbuatan pegawai telah melanggar tatakelakuan Pegawai Awam dan boleh disifatkan sebagai mencemarkan imej perkhidmatan awam iaitu bertentangan dengan tatakelakuan di bawah peraturan 4(2)(d) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menyatakan seperti berikut:

“4(2) Seseorang pegawai tidak boleh –

(d) berkelakuan dengan sedemikian cara hingga memburukkan nama atau mencemarkan nama perkhidmatan awam.

Oleh itu, Ketua Jabatan mengesyorkan supaya pegawai dikenakan tindakan tatatertib di bawah peraturan 4(2)(d) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

3. KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB

Setelah menimbang laporan dan perakuan Ketua Jabatan maka Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 1 Jabatan telah memutuskan agar pegawai dikenakan hukuman **Amaran dan Tangguh Pergerakan Gaji bagi tempoh enam (6) bulan** dengan alasan seperti berikut:

- 3.1. Perbuatan pegawai telah melanggar Peraturan 4(2)(d) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993;
- 3.2. Kesalahan pegawai adalah suatu kesalahan yang berat dan serius serta telah mencemarkan nama baik Perkhidmatan awam;

- 3.3. Perbuatan pegawai adalah satu perbuatan yang tidak wajar dilakukan oleh seorang penjawat awam yang bertanggungjawab dan berdisiplin;
- 3.4. Sebagai penjawat awam, pegawai sepertutnya sedia maklum dan mengetahui peraturan sedia ada yang telah ditetapkan;
- 3.5. Hukuman tersebut akan menjadi pengajaran kepada pegawai untuk tidak mengulangi kesalahan yang sama pada masa akan datang dan supaya lebih berhati-hati; dan
- 3.6. Menjadi tauladan kepada pegawai lain supaya tidak melakukan kesalahan yang sama.

4. RAYUAN PEGAWAI



Pegawai boleh mengemukakan rayuan ke atas hukuman yang telah dijatuhkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 1 Jabatan. Rayuan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melalui Ketua Jabatan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pegawai menerima keputusan Lembaga Tatatertib, sebagaimana diperuntukkan di bawah peraturan 15(1), Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993.

Pegawai tidak mengemukakan sebarang rayuan sehingga tamat tempoh yang diberikan.



KES 8

MAHKAMAH SYARIAH (KESALAHAN KHALWAT)



1. LATAR BELAKANG KES

Encik RBT, Pegawai Bomba Gred KB19 di Balai Bomba dan Penyelamat F, Negeri H telah disabitkan di Mahkamah dengan pertuduhan berkhawatir. Pegawai berada dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak bawa melakukan perbuatan yang tidak bermoral. Oleh yang demikian pegawai telah dibicarakan dan di tuduh di Mahkamah Rendah Syariah mengikut Seksyen 27(1)(a) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri yang berkenaan. Beliau telah didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman denda RM1,300.00 atau 4 bulan penjara”.

2. SYOR KETUA JABATAN

Berdasarkan kepada kesalahan dan keputusan dengan pensabitan di bawah Seksyen 27(1)(b) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 atas kes khalwat pegawai telah didapati bersalah dan telah dikenakan hukuman denda sebanyak RM1,300.00 oleh Mahkamah Rendah Syariah Negeri yang berkenaan. Sehubungan itu merujuk kepada peraturan 29, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, pegawai disyorkan kepada Peraturan 29(2)(b) “pegawai itu patut dihukum dengan apa-apa hukuman selain buang kerja atau turun pangkat.”

3. KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB

Setelah menimbang laporan itu dan perakuan Ketua Jabatan maka Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 1 Jabatan telah memutuskan agar pegawai dikenakan hukuman Amaran dan **Tangguh Pergerakan Gaji bagi tempoh tiga (3) bulan**.

4. RAYUAN PEGAWAI

Pegawai boleh mengemukakan rayuan ke atas hukuman yang telah dijatuhkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 1 Jabatan. Rayuan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melalui Ketua Jabatan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pegawai menerima keputusan Lembaga Tatatertib, sebagaimana diperuntukkan di bawah peraturan 15(1), Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993.

Pegawai tidak mengemukakan sebarang rayuan sehingga tamat tempoh yang diberikan.

JURNAL INTEGRITI JBPM

HIMPUNAN KES-KES TATATERTIB



BAHAGIAN III

SURCAJ

KES 9

SURCAJ KERANA KECUAIAN SEHINGGA MENYEBABKAN KEHILANGAN ASET KERAJAAN

1. LATAR BELAKANG KES

Encik SBM, Pegawai Bomba Gred KB19 bertugas di JBPM Negeri V dikenakan tindakan surcaj kerana bertanggungjawab diatas kehilangan **1 set Kamera Digital Jenama Nikon SLR D300 No. Siri SN 6XXXXX** yang berada dalam jagaan pegawai dengan nilai anggaran semasa berjumlah **RM18,000.00**.

2. SYOR KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Kementerian Kewangan Malaysia mengesyorkan pegawai dikenakan tindakan surcaj di bawah sekyen 18 Akta Tatacara Kewangan 1957.

3. WUJUD/TIDAK WUJUD KES *PRIMA FACIE*

Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2 Jabatan yang mempunyai kuasa mengenakan hukuman selain buang kerja atau turun pangkat selepas menimbang kes ini berpuashati **wujud kes *prima facie***.

4. PERTUDUHAN

Bahawa tuan SBM No. Kad Pengenalan 123456-78-0001, pada 15 September 20XX, antara 9.30 pagi hingga 11.00 pagi, berkelakuan tidak bertanggungjawab dan cuai dengan meninggalkan dengan sengaja, **1 set Kamera Digital Jenama Nikon SLR D300 No. Siri SN 6XXXXX** yang berada dalam jagaan tuan, di dalam sebuah bilik. Apabila tuan diarahkan untuk ke kantin asrama bagi tujuan penyelarasan tempahan jamuan berbuka puasa, yang mana kemudiannya aset tersebut telah disyaki dicuri dan menyebabkan kehilangan aset dibawah tanggungjawab JBPM Negeri V dan kerugian kepada kerajaan dengan nilai anggaran semasa berjumlah **RM18,000.00**.

Perbuatan tuan telah didapati melanggar Seksyen 18(c), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan boleh diambil tindakan surcaj mengikut Peraturan 51(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

“18. Surcaj

Jika didapati oleh Pihak Suruhanjaya Perkhidmatan tertentu, selepas berunding dengan pihak berkuasa kewangan, bahawa mana-mana orang yang sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan persekutuan atau kerajaan sebuah negeri-

- (c) sedang atau telah bertanggungjawab tentang apa-apa kekurangan, atau tentang kebinasaan, apa-apa wang awam, setem-setem, sekuriti-sekuriti, stor-stor, atau lain-lain harta kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;

dan jika suatu penjelasan yang memuaskan tidak diberi dalam tempoh yang ditentukan oleh Suruhanjaya, kepada Suruhanjaya tentang kegagalan untuk memungut pembayaran yang tidak sepatutnya, pembayaran yang tidak disahkan, kekurangan atau kebinasaan, atau gagal membuat pembayaran, atau lewat dalam membuat pembayaran, maka Suruhanjaya akan membuat Surcaj terhadap orang tersebut suatu jumlah yang tidak melebihi amaun bagi mana-mana amaun yang tidak dipungut, pembayaran tertentu, kekurangan atau kehilangan atau nilai harta yang dibinasakan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan tentang kegagalan untuk menyimpan akaun-akaun atau rekod-rekod yang sempurna, atau kegagalan untuk membuat pembayaran, atau kelewatan dalam membuat pembayaran, maka Suruhanjaya akan membuat Surcaj terhadap orang tersebut jumlah tertentu sebagaimana pihak Suruhanjaya fikirkan patut.”

5. REPRESENTASI PEGAWAI

Pegawai dalam representasinya menjelaskan:

- 5.1. Pegawai memaklumkan bahawa ketika kejadian tersebut beliau telah diarahkan untuk menjalankan tugas lain oleh seorang pegawai kanan. Sehubungan itu, beliau telah meminta agar Pegawai Bomba AH untuk menjaga kamera itu sementara beliau menyelesaikan tugasnya. Walau bagaimanapun setibanya Encik SBM ke bilik tersebut mendapati bahawa Pegawai Bomba AH dan kamera tersebut tiada di situ.
- 5.2. Encik SBM telah melakukan pencarian terperinci untuk mencari kamera tersebut tetapi gagal. Pemakluman juga telah dilakukan kepada semua pegawai pejabat berkenaan kehilangan kamera tersebut tetapi masih menemui jalan buntu.
- 5.3. Encik SBM berjanji tidak akan mengulangi kesalahan beliau pada masa hadapan dan akan berhati-hati dalam penjagaan aset Jabatan.

6. ULASAN KETUA JABATAN

Ketua Jabatan dalam ulasannya menjelaskan:

- 6.1. Pegawai ini boleh dipertimbangkan untuk tidak dikenakan tindakan surcaj kerana telah menunjukkan tanggungjawab dengan berusaha dengan pelbagai cara untuk mencari dan mendapatkan semula kamera tersebut.

- 6.2. Pegawai adalah seorang pegawai bawahan yang bertanggungjawab sepanjang menjalankan tugasnya.
- 6.3. Tindakan surcaj yang mungkin dikenakan ke atas beliau agak membebankan kerana faktor kewangan pegawai.

7. KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB

Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2 Jabatan setelah menimbangkan dengan teliti laporan kes dan ulasan ketua jabatan memutuskan Encik SBM **bersalah** di atas pertuduhan tersebut.

Sehubungan dengan itu, Encik SBM dikenakan surcaj sebanyak 5% bersamaan RM900.00 daripada sejumlah RM18,000.00 mengikut Seksyen 18(c), Akta Tatacara Kewangan 1957.

8. RAYUAN PEGAWAI

Pegawai boleh mengemukakan rayuan ke atas hukuman yang telah dijatuhkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kumpulan Sokongan No. 2 Jabatan. Rayuan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melalui Ketua Jabatan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pegawai menerima keputusan Lembaga Tatatertib, sebagaimana diperuntukkan di bawah peraturan 15(1), Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993.

Pegawai tidak mengemukakan sebarang rayuan sehingga tamat tempoh yang diberikan.



**JAWATANKUASA PENERBITAN
JURNAL INTEGRITI JBPM: HIMPUNAN KES-KES TATATERTIB**

Penaung

YAS Dato' Sri Hj. Wan Mohd. Nor bin Hj. Ibrahim
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Penasihat

YAS Dato' Hj. Soiman bin Jahid
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusuf
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Pengerusi

PPjB Norizan bin Hj. Sulaiman
Ketua Unit Integriti

Ahli-Ahli

PgKB I Ismail bin Yasin (Setiausaha)
Encik Mohd Faruqi bin Badron
PgKB II Aswadi bin Ismail
PgKB II Abdul Malik bin Zainudin
PKPgB Mohd Azuan bin Abu Hassan
Puan Shahrinas binti Abd Malek
Puan Norezan binti Idris
Encik Patrick Jelai Jali
Encik Ahmad Hakimi bin Mohd Noor
Cik Noor Ermalina binti Zubir

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan khas buat semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyumbangkan buah fikiran dan tenaga bagi menjayakan penerbitan

Jurnal Integriti JBPM: Himpunan Kes-Kes Tataterib ini.

JBPM akan sentiasa mengambil pendekatan bersifat adil yang tidak berat sebelah dan berpegang teguh kepada kebenaran, walaupun kadang kala agak sulit untuk dilaksanakan, bak kata bidalan;

Menimbang Sama Berat,
Mengukur Sama Panjang,
Tiba Dimata Tidak Dipicingkan,
Tiba Diperut Tidak Dikempiskan,
Tiba Didada Tidak Dibusungkan.



Unit Integriti
Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Lebuh Wawasan, Presint 7,
62250 Putrajaya
03-88927600
03-88880829